

11/10/1997

Mohamad Hussin, Siti Aminah juara i tilawah

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Mohamad Hussin Yunus dari Kelantan dan Siti Aminah Awang dari Pulau Pinang dipilih sebagai johan qari dan qariah Majlis Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan Ke-40 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini, malam ini.

Mohamad Hussin mengutip 83.83 markah manakala Siti Aminah Awang yang tahun lalu mendapat tempat ketiga, memperolehi 76.50 markah bagi mengetepikan johan qariah tahun lalu, Hanisah Abdullah dari Johor.

Naib johan qari dimenangi Abdul Shatar Wan Abdul Rahman dari Wilayah Persekutuan yang memungut 79.17 markah manakala qari tuan rumah, Terengganu, Mohammad Ismail, menduduki tempat ketiga dengan 79.17 markah.

Maimunah @ Napisah Muda dari Perak pula menjadi naib johan qariah dengan memperolehi 75.17 markah dan Halimah Ibrahim dari Terengganu menduduki tempat ketiga dengan 75 markah.

Berdasarkan Keputusan itu, Terengganu diisytihar sebagai johan keseluruhan tilawah itu dengan 77.09 markah.

Sultan Terengganu menyampaikan hadiah kepada pemenang. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, turut hadir.

(END)